

18/02/2000

Tiga juta dijangka kunjungi Melaka

KUALA LUMPUR, Khamis - Tiga juta pelancong dari dalam dan luar negara dijangka melawat Melaka hasil promosi Festival Pelancongan Melaka 2000 yang akan bermula hari ini (18 Febuari) hingga 23 Februari.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur festival itu, Datuk Hamdin Abdollah, berkata statistik yang diperoleh dari industri perhotelan menunjukkan kira-kira 1.57 juta pengunjung melawat negeri itu tahun lalu.

Jumlah itu, katanya tidak termasuk pelancong yang berkunjung ke Melaka tetapi tidak menginap di mana-mana hotel.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Melaka berkata, kira-kira 50 peratus dari tujuh juta pelancong yang melawat Malaysia tahun lalu berkunjung ke Melaka.

"Sehubungan itu, Festival Pelancongan Melaka 2000 dijangka meningkatkan jumlah pelancong tahun ini.

"Kami ingin tonjolkan Melaka sebagai negeri yang mampu menawarkan lebih dari satu tarikan selain tinggalan sejarah dan kebudayaan yang selama ini menjadi sebab utama kebanyakan pelancong mengunjungi Melaka," katanya ketika ditemui di tapak festival, di sini esok. Festival itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara tarikan pelancong yang akan dipamerkan ialah tiga beca yang dibawa khas dari Melaka, kereta lembu, pertunjukan kebudayaan, seminar dan cabutan bertuah.

Festival itu turut disertai 82 syarikat dan badan seperti Institut Pengajian Seni Malaysia, Akademi Laut Malaysia, Yayasan Melaka, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Perwakilan dari perkampungan Portugis Melaka dan A'Famosa Waterworld.

Acara itu dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka dan ditaja oleh Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, A Famosa Bhd, Kit Kat Nestle, United Engineering (M) Bhd, Kumpulan DRB Hicom serta New Straits Times dan Nanyang Siang Pau sebagai media rasmi dan Insurans Takaful Nasional.

(END)